




DOKUMEN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN PSP
PSP-DSPKKP-11

**PROSES PERSEDIAAN
DAN
TINDAKAN KECEMASAN**

| | DISEDIAKAN OLEH | DILULUSKAN OLEH |
|----------|--|--|
| JAWATAN |  PEGAWAI PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN |  TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK) POLITEKNIK SEBERANG PERAI |
| TARIKH | 04 OGOS 2022 | 04 OGOS 2022 |
| KELUARAN | PINDAAN | TARIKH KUATKUASA |
| 04 | 00 | 08 OGOS 2022 |

ISI KANDUNGAN

| BIL | PERKARA | HALAMAN |
|-----|-------------------------------|---------|
| 1.0 | OBJEKTIF | 1 |
| 2.0 | SKOP | 1 |
| 3.0 | RUJUKAN | 1 |
| 4.0 | DEFINISI DAN SINGKATAN | 2 |
| 5.0 | PROSES KERJA | 5 |
| 6.0 | REKOD | 9 |
| 7.0 | LAMPIRAN | 9 |

REKOD PINDAAN

| BIL. | KELUARAN | PINDAAN | TARIKH KUATKUASA | NOTA PINDAAN |
|------|----------|---------|------------------|-------------------|
| 1. | 01 | 01 | 28/01/2016 | PSP – DSPKKP – 11 |
| 2. | 02 | 00 | 17/01/2017 | PSP – DSPKKP – 11 |
| 3. | 03 | 00 | 02/01/2019 | PSP – DSPKKP – 11 |
| 4. | 04 | 00 | 08/08/2022 | PSP – DSPKKP – 11 |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Mengenalpasti respon / tindakan / persediaan terhadap situasi kecemasan apabila berlaku kemalangan / penyakit pekerjaan yang bertujuan untuk mengurangkan impak dan kesan yang lebih mudarat kepada manusia dan alam sekitar.

2.0 SKOP

- 2.1 Proses ini digunakan oleh semua jabatan dan unit di Politeknik Seberang Perai yang memerlukan kawalan kepada Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan alam sekitar. Prosedur ini digunakan untuk menentukan pelan tindakan ketika kecemasan / bencana supaya dapat dilaksanakan secara jelas, seragam, terancang dan memenuhi segala prosedur keselamatan di mana-mana lokasi atau bangunan Politeknik Seberang Perai. Jika berlakunya:
 - i. Kemalangan
 - ii. Kebakaran
 - iii. Kecemasan
 - iv. Penyakit berjangkit
 - v. Tumpahan bahan kimia
 - vi. Serangan binatang berbisa
 - vii. Huru hara/ Amuk/ Pergaduhan

3.0 RUJUKAN

- 3.1 PSP – MSPKKP – 01 : Manual Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, PSP.
- 3.1 ISO45001 : 2018 – Klausma 8.2 : Persediaan dan Tindakan Kecemasan

4.0 DEFINISI DAN SINGKATAN

- 4.1 Kemalangan Nyaris (Near Miss)** Mana-mana kejadian di dalam mana-mana kelas yang disenaraikan pada Jadual Pertama Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta Kilang & Jentera: Rujuk Jadual Pertama) dan Jadual 2 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 (AKKP:59-183).
- 4.2 Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan (Occupational Poisoning and Diseases)** Mana-mana keracunan atau penyakit yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga Akta Kilang dan Jentera 1967 sebagaimana Jadual 3 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 (AKKP:159-183)
- 4.3 Kejadian Berbahaya (Dangerous Occurrence)** Apa-apa kemalangan di tempat kerja yang berpotensi untuk menyebabkan kecederaan kepada mana-mana individu atau kerosakan kepada apa-apa harta.
- 4.4 Kemalangan (Accident)** Suatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja yang mengakibatkan kecederaan maut atau kecederaan tidak maut.
- 4.5 Kecederaan Badan yang Serius** Apa-apa kecederaan yang disenaraikan dalam Jadual 1 Peraturan- Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan

| | | |
|---|---|---|
|  | PROSES PERSEDIAAN DAN TINDAKAN KECEMASAN | No Dokumen : PSP – DSPKKP - 11 No Keluaran : 04 No. Pindaan : 00 Tarikh kuatkuasa : 08 Ogos 2022 Mukasurat : 3/ 9 |
|---|---|---|

Penyakit Pekerjaan) 2004 (Akta Kilang & Jentera : Jadual Pertama).

- 4.6 Kecederaan Maut** Kecederaan yang membawa kepada kematian serta merta atau kematian dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kemalangan.
- 4.7 Kecederaan Tidak Maut** Kecederaan yang menyebabkan masa bekerja hilang atau menghalang seorang pekerja daripada melaksanakan kerja biasa dan membawa kepada ketidakupayaan untuk bekerja secara kekal atau sementara, atau kecederaan tiada masa bekerja hilang, jika tiada masa kerja yang hilang selain masa yang dikehendaki bagi rawatan perubatan.
- 4.8 Masa Hilang** Kehilangan hari yang dikira dari dan termasuk kemalangan berdasarkan hari calendar.
- 4.9 Kecemasan** Kejadian serius yang tidak dijangka yang biasanya merbahaya dan memerlukan tindakan segera situasi/ keadaan yang berlaku secara tiba-tiba/ merebak yang disebabkan oleh kemudaratan oleh kecederaan, kehilangan nyawa dan harta benda akibat daripada alam semulajadi, teknologi atau manusia yang diluar daripada kawalan biasa dan memerlukan respon daripada sumber luaran serta bantuan bagi tujuan pemulihan semula/ sembuh kembali.
- 5.0 Pengadu** Warga PSP dan Pelawat PSP yang membuat aduan berkaitan kemalangan di dalam PSP.

| | | |
|---|---|---|
|  | PROSES PERSEDIAAN DAN TINDAKAN KECEMASAN | No Dokumen : PSP – DSPKKP - 11 No Keluaran : 04 No. Pindaan : 00 Tarikh kuatkuasa : 08 Ogos 2022 Mukasurat : 4/ 9 |
|---|---|---|

- 5.1 Pegawai KKP** Pegawai yang dilantik oleh pengarah untuk menguruskan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan dan bertanggungjawab terhadap perlaksanaan SPKKP di PSP.
- 5.2 JKKP** Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- 5.3 ERT** *Emergency Response Team.*
- 5.4 PMB** Penyelia Makmal dan Bengkel.
- 5.5 KJ** Ketua Jabatan
- 5.6 KU** Ketua Unit

5.0 PROSES KERJA

| Tanggungjawab | Tindakan |
|-----------------------------------|--|
| Pengadu | <p>A. Makluman Kecemasan</p> <ul style="list-style-type: none">i. Semua kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di dalam PSP sama ada mengalami kecederaan atau tidak, hendaklah dilaporkan kepada Ketua Jabatan / Ketua Unit dengan segera.ii. Memastikan bahawa setiap kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di bahagian masing-masing dilaporkan kepada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSP.iii. Laporan tersebut hendaklah dibuat dengan segera setelah kejadian tersebut berlaku di Jabatan masing-masing.iv. Melaporkan kepada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSP sekiranya terdapat mangsa yang diberi rawatan oleh Pusat Kesihatan PSP. |
| Penolong Pegawai Perubatan | |
| Pengadu | <p>v. Borang Aduan Kemalangan/ Bahaya (Lampiran 1) perlu diisi dan dihantar kepada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSP.</p> |

| Tanggungjawab | Tindakan |
|--------------------------------------|---|
| Pegawai KKP JKKP | <p>B. Penyiasatan Insiden / kemalangan / penyakit pekerjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menerima aduan atau laporan dan seterusnya akan dipanjangkan kepada JKKP. ii. Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSP akan menjalankan siasatan mengikut Proses DSPKKP – 13 Proses Insiden, Ketidakpatuhan Dan Tindakan Pembetulan berhubung kejadian / aduan tersebut sebaik sahaja menerima aduan atau laporan tersebut dan seterusnya langkah susulan serta tindakan akan diambil. |
| Pelawat / Warga PSP / ERT | <p>C. Respon Kecemasan Dan Persediaan</p> <p>i. Kecemasan Kebakaran</p> <p>Apabila kedengaran loceng penggera (isyarat kecemasan kebakaran), semua warga PSP dan orang awam / pelawat hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Menghentikan kerja serta-merta dan matikan semua punca elektrik berdekatan anda serta menanggalkan plug. b. Berjalan dengan pantas MENGIKUT LALUAN PELAN KECEMASAN yang telah ditetapkan dengan teratur. c. Jangan panik, berlari atau tolak-menolak. d. Jangan berpatah-balik untuk mengambil barang yang tertinggal. |

| | | |
|---|---|--|
|  | PROSES PERSEDIAAN DAN TINDAKAN KECEMASAN | No Dokumen : PSP – DSPKKP - 11 No Keluaran : 04 No. Pindaan : 00 Tarikh kuatkuasa : 08 Ogos 2022 Mukasurat : 7 / 9 |
|---|---|--|

| Tanggungjawab | Tindakan |
|--------------------------|--|
| Pegawai KKP / ERT | <ul style="list-style-type: none"> e. Berikan kerjasama sepenuhnya dan patuhi arahan ERT. f. Berkumpul di tempat yang telah ditetapkan iaitu di tempat pengunsian (<i>Assembly Point</i>). g. Membuat panggilan baris (<i>roll-call</i>) di tempat berkumpul dan membuat semakan sekiranya ada yang masih tertinggal dalam bangunan bagi kumpulan di bawah kawalan masing-masing. h. Memastikan tiada seseorang yang memasuki kawasan kebakaran. i. Menghubungi TALIAN KECEMASAN 999. <p>ii. Proses bantuan awal kecemasan</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mempamerkan senarai nama pegawai yang bertanggungjawab sekiranya berlaku kecemasan di bengkel / makmal. b. Memberikan bantuan awal kecemasan kepada mangsa kemalangan atau keadaan kecemasan yang berlaku di bengkel / makmal. c. Memastikan Pensyarah / Pelajar mempunyai pengetahuan berkaitan bantuan awal kecemasan. |
| Pegawai KKP | <p>iii. Peti Pertolongan Cemas (PPC)</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memastikan Peti Pertolongan Cemas ditempatkan di semua premis di dalam kawasan PSP. b. Memastikan perkakasan dan ubat-ubatan di dalam Peti Pertolongan Cemas sentiasa mencukupi pada setiap masa. |
| PMB | |

| Tanggungjawab | Tindakan |
|-----------------------------------|--|
| Penolong Pegawai Perubatan | <p>c. Memastikan peti pertolongan cemas disemak secara berkala.</p> <p>iv. Tindakan Pengawal Keselamatan</p> <p>a. Ketika berlaku kecemasan / bencana pihak pengawal keselamatan perlu memastikan tiada kenderaan keluar dan masuk ke dalam kawasan bangunan PSP.</p> <p>b. Setiap laluan keluar masuk perlu di kawal rapi oleh Pengawal Keselamatan (pintu hadapan dan belakang) dan perlu mencegah sesiapa sahaja yang tidak berkenaan daripada memasuki kawasan bangunan.</p> <p>c. Pengawal Keselamatan perlu membantu ERT jika diperlukan.</p> |
| Pengawal Keselamatan | <p>D. Panduan Keselamatan Bagi Kawasan Parkir Kenderaan dan Kawasan Pili Bomba</p> <p>i. Dilarang meletak kenderaan secara BERLAPIS (<i>Double Parking</i>) di perkarangan PSP pada setiap masa.</p> <p>ii. Meletak kenderaan secara BERUNDUR adalah amat digalakkan.</p> <p>iii. Dilarang meletakkan motosikal di mana-mana kaki lima bangunan PSP.</p> <p>iv. Dilarang meletakkan kenderaan di dalam petak kuning pili bomba.</p> <p>v. Laluan belakang bangunan tidak boleh diletakkan kenderaan untuk memberi laluan sekiranya berlaku kecemasan.</p> |
| Warga PSP/ Pelawat | |

6.0 REKOD

| Bil | Jenis Rekod | Tempoh Simpanan | Lokasi |
|-----|-----------------------------------|-----------------|-------------------------|
| 1. | Borang Aduan Kemalangan / Bahaya. | 3 Tahun | Bilik Dokumen JKM, PSP. |

7.0 LAMPIRAN

7.1 LAMPIRAN 1: Borang Aduan Kemalangan / Bahaya



UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

BORANG ADUAN KEMALANGAN/BAHAYA

1. Sila isi laporan ini dimana yang berkenaan. Gunakan lampiran jika ruang yang disediakan tidak mencukupi.
2. Anda perlu mengisi laporan ini dengan jujur dan ikhlas. Keterangan yang diberikan akan membantu Jawatankuasa mengambil langkah - langkah pencegahan bagi mengelakkan kemalangan tersebut daripada berlaku di masa hadapan
3. Laporan yang telah siap diisi hendaklah dikemukakan kepada Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSP.

A. BUTIR-BUTIR KEJADIAN

| | |
|-------------------------------------|--|
| Perkara Kejadian/Aduan : | Tarikh/masa Kejadian: |
| | Tempat Kejadian (No./Nama Bilik Bgn.): |
| Penyelia bertugas ketika kejadian : | |

B. STATUS PELAPOR

| | |
|---|--|
| Nyatakan Hubungan/Kaitan Pelapor Dengan Kejadian Ini: | Kursus (pelajar)/Nama Majikan (pelawat): |
|---|--|

C. BUTIR-BUTIR PELAPOR

| | |
|-------------------------------|--|
| Nama: | No. Kad Pengenalan/ No. Kad Matrik/ No.Pas Pelawat : |
| Bangsa : | |
| Alamat Yang Boleh Dihubungi : | No. Tel. : |

Disahkan oleh:

.....

()

Tarikh:

DSPKKP-11(1) (08-08-22)